

Pembayar cukai kena guna program selesai tunggakan

Melaka: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) meminta pembayar cukai memanfaatkan Program Tawaran Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai yang akan berakhir 15 Disember ini.

Program sejak 1 Mac lalu itu satu inisiatif dalam pengubahsuaian Bajet 2016 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi menggalakkan pembayar cukai tampil sukarela melaporkan pendapatan tahun ke belakang dan menyelesaikan tung-

Info

LHDN

→ **Untuk maklumat lanjut** layari www.hasil.gov.my atau hubungi Meja Bantuan Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai di talian 03-8313 8885

gakan cukai mereka.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Mohd Shukor Mahfar dalam satu kenyataan semalam, berkata tawaran itu, termasuk pengurangan penalti pada kadar tertentu untuk pembayar cukai yang masih belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) atau Borang Nyata Pertoleum (BNP) tahun ke belakang.

Sila rujuk www.hasil.gov.my atau hubungi Meja Bantuan Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai di 03-8313 8885.